



PA Easy Product Disclosure Sheet



NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil polisi **Tune Protect PA Easy**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

1) Apakah produk ini?

Polisi ini memberi pampasan dan pembayaran balik sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian disebabkan oleh kejadian keganasan, kemalangan, luaran dan jelas.

2) Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kematian Akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan
- Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan
- Pendapatan Hospital akibat kemalangan
- Pembedahan Kosmetik akibat kemalangan
- Elaun Khairat Kematian akibat kemalangan

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3) Berapakah premium yang perlu saya bayar dan bagaimana saya ingin membuat pembayaran premium?

- Premium tahunan yang anda perlu bayar adalah RM36. Akan ada Rebat Langsung sebanyak 25% untuk pelanggan dalam talian.
- Pembayaran Premium boleh dibuat secara Kad Kredit/Debit atau Perbankan Internet.

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem RM10.00
- Cukai Perkhidmatan dikenakan pada premium pada kadar semasa, jika berkenaan

5) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Keperluan Pendedahan** – Menurut Seksyen 129 dan Para 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau sebarang pindaan daripadanya: anda mempunyai kewajipan pendedahan pra-kontrak dan akan mendedahkan semua perkara dalam borang cadangan ini yang anda tahu atau sepatutnya tahu atau dijangka untuk mengetahui secara munasabah yang mana berkaitan dengan keputusan syarikat untuk menerima risiko atau tidak dan kadar dan terma yang akan digunakan. Kewajipan pendedahan anda akan berterusan sehingga masa kontrak ditandatangani, diubah atau diperbaharui.
- Had Umur** – Antara 18 hingga 70 tahun, umur terakhir hari lahir.
- Pekerjaan Dikecualikan** – Juruterbang Helikopter atau Carter, Joki, Pelumba Kuda atau Jurulatih, Pengendali / Pembuat Bahan Letupan, Pekerja Binaan, Pelukis, Pengendali Kren, Anggota Bomba, Polis, Tentera Udara, Pengawal Keselamatan, GRO, Bouncer, Pemandu Lumba Profesional, Pelagak Ngeri, Penyelam Skuba, Pemandu Lori, Pemandu Tangki Bahan Api, Pendawai atau Juruelektrik yang bekerja dengan lebih daripada 500V, Pekerja Pelantar Minyak, Gas atau Petroleum, Kru Udara, Kru Kapal, Pekerja Bawah Tanah, Nelayan, Tentera dan / atau Kakitangan Ketenteraan, Penghibur Profesional.

6) Siapakah yang boleh membeli insurans ini?

Semua Residen Malaysia dan Bukan Malaysia dengan permit kerja yang sah dan mempunyai alamat tetap di Malaysia atau berada di bawah Skim Malaysia Rumah Kedua, yang berumur 18 tahun ke atas dan 70 tahun ke bawah sahaja.

7) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Insurans ini tidak melindungi:

- a) Perang, nuklear, senjata pemusnah besar-besaran
- b) Penyakit: Bakteria, virus, parasit dan semua bentuk penyakit berjangkit
- c) Gila, Membunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan mencederakan diri sendiri
- d) Sukan profesional, perkhidmatan kebangsaan seperti keterangan seumpamanya seni mempertahankan diri, aktiviti ketenteraan dan udara
- e) Terbang sebagai anggota kru atau dalam penerbangan kendalian mesin yang tidak dijadualkan atau pesawat tanpa penumpang.
- f) Menaiki motosikal / memandu tanpa lesen yang sah
- g) Penggunaan jentera kerja kayu kendalian mesin atau kuasa mekanikal
- h) Berlumba selain daripada berjalan kaki
- i) Mendaki gunung menggunakan tali dan panduan
- j) Aktiviti bawah air menggunakan alat pernafasan (melebihi 30 meter dalam)
- k) Aktiviti jenayah

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini)

8) Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

la adalah penting untuk anda memberitahu kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas butiran perhubungan/ profil hayat anda termasuk pekerjaan dan kegemaran peribadi yang akan menjejaskan profil risiko. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat daripada perubahan sedemikian.

9) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490, Kuala Lumpur,

Malaysia.

No Tel: 1800 88 5753

Faks: 03-20941366

Emel: hello.my@tuneprotect.com

Laman Web: www.tuneprotect.com



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memperhatikan bayaran manfaat untuk kematian dan kecacatan dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan wakil jualan anda atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.